

# Pas perlu buktikan kejujuran

BH 2 JUN 1991

**KUALA LUMPUR:** Pas perlu menunjukkan kejujuran secara menyeluruh jika pemimpin parti itu, khususnya yang memerintah Kelantan sekarang, mahu mewujudkan hubungan lebih baik dengan Kerajaan Pusat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Serentak itu, kata Perdana Menteri, Kerajaan Pas Kelantan perlu menghentikan tindakannya memecat pegawai yang bertanggungjawab melaksanakan projek pembangunan di negeri itu semata-mata untuk digantikan dengan 'orang Pas'.

Menjawab soalan pemberita selepas merasmikan Kompleks Studio Merdeka di Hulu Kelang semalam, katanya, Pas juga tidak seharusnya mempolitikkan setiap usaha Kerajaan Pusat untuk kebaikan rakyat termasuk di Kelantan.

Beliau mengulas kenyataan Menteri Besar Kelantan, Haji Nik Aziz Nik Mat bahawa Kerajaan Kelantan percaya dapat mewujudkan hubungan dengan Kerajaan Pusat demi kepentingan rakyat walaupun wujud perbezaan politik.

Dalam hal ini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, hasrat Kerajaan Kelantan untuk menjalin hubungan baik dengan Kerajaan Pusat itu harus dibuktikan dengan tindakan dan sikap, bukan setakat kata-kata sahaja.

"Pas kena tunjuk kejujuran secara menyeluruh. Kerajaan memang hendak berikan pembangunan. Tetapi setiap kali kita nak beri bantuan, orang Pas pergi ke kampung dan mendakwa Kerajaan Pusat terpaksa bagi (pembangunan).

"Dia (Pas) jadikan isu politik. Kita nak bagi baja...mereka buang penghulu yang bertanggungjawab untuk diganti dengan orang yang mehiak kepada mereka.

"Dengan itu, macam mana kita nak serahkan tugas ini kepada mereka yang dilantik oleh Pas. Mereka mempolitikkan segala tindakan Kerajaan Pusat," katanya.

Perdana Menteri berkata, Pas juga masih meneruskan kecaman terhadap usaha kerajaan seperti mendakwa kerajaan tidak boleh membasmi kemiskinan kerana ia ditakdirkan Tuhan dan Wawasan 2020 itu kabur serta 'wawasan karut'.

Mengenai tindakan Pas menghalau beberapa wartawan akhbar kebangsaan yang mahu membuat liputan muktamar parti itu kelmarin, secara berseloroh Perdana Menteri berkata:

"Itu Pas belum berkuasa lagi, ia cuma berkuasa dalam muktamar tetapi sudah menghalau orang. Esok kalau Pas jadi kerajaan Pusat, dia tutup semua akhbar dan anda semua tidak ada kerja."